

25 AUG 1999
Sidang-Alaf
SIDANG VIDEO BERSAMA PM DI BUKIT JALIL

KUALA LUMPUR, 25 Ogos (Bernama) -- Seiring dengan pelancaran sambutan Se Abad Malaysia Ke Alaf Baru, di Stadium Nasional Bukit Jalil, Isnin ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan satu sidang video bersama-sama Menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir hari ini berkata sidang video tersebut bertujuan memberi peluang kepada Perdana Menteri menyampaikan amanatnya kepada rakyat di seluruh negara.

Katanya, majlis itu dilancarkan di setiap negeri pada masa yang sama dan akan dibawa ke ibu negara secara lintas langsung oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM).

"Sidang video ini akan dijalankan secara berselang seli dengan persembahan hiburan agar semua yang menonton dapat mengikuti perkembangan acara-acara yang dijalankan dari setiap negeri," kata Abdul Kadir pada satu sidang media hari ini selepas mengadakan pertemuan dengan para penaja sambutan majlis pelancaran tersebut.

Sidang video tersebut adalah tajaan daripada Telekom Malaysia.

Menurutnya, usaha tersebut merupakan satu simbolik kepada rakyat Malaysia bahawa mereka tetap bersatu walau di mana sahaja mereka berada.

Dalam sidang media yang sama, beliau turut berkata, sempena sambutan itu, satu acara perarakan raksaksa juga akan diadakan pada bulan Oktober akan datang.

"Perarakan tersebut merupakan perarakan terbesar, yang pernah diadakan di Malaysia," katanya.

Menurutnya, perarakan "Citrawarna Malaysia" ini akan melibatkan semua orang-orang penting negara terutama dalam bidang pelancongan dan pengembaraan.

Katanya, acara yang akan berlangsung di Dataran Merdeka itu bakal dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agung, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

--BERNAMA
FSM sbj zb